

Oleh Mahaizura  
Abd Malik  
mahaizura@mediapri-  
ma.com.my

### Kuala Lumpur

Pengendali pakej ibadah haji dan umrah, Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd (Andalusia) menyasarkan menguruskan 80,000 jemaah umrah tahun ini.

Pengarah merangkap Pe-  
nasihat Undang-undang  
Andalusia, Ida Riswana Id-  
ris berkata, pihaknya yakin  
mampu mencapai sasaran  
itu menerusi kolaborasi  
dengan Hong Leong Is-  
lamic Bank (HLISB) dalam  
menyediakan pembiayaan  
mudah secara digital dan  
patuh syariah kepada umat  
Islam yang berhasrat me-  
nunaikan umrah dan haji.

“Kami yakin pembiayaan  
berdasarkan Murabahah  
Tawarruq ini berlandaskan  
hukum maqasid Syariah  
dan diharuskan syarak bagi  
membolehkan seramai  
mungkin umat Islam me-  
nunaikan haji dan umrah.

“Bagi memudahkan ko-  
laborasi antara Andalusia  
dengan HLISB, orang ra-  
mai termasuk jemaah An-  
dalusia boleh mula memo-  
hon pembiayaan pakej um-  
rah dengan pembayaran  
ansuran mudah tidak lama  
lagi.

“Sejajar menandatangani  
MoU ini, Andalusia komited  
mengekalkan dan menam-  
bah baik mutu perkhidma-



MD Daud (kiri) bersama Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Hong Leong Bank, Zalman Zainal (kanan) menyaksikan Dafinah (dua dari kanan) bersama Ida Riswana menandatangani MoU. -Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

# Sasar 80,000 jemaah umrah

*Andalusia, HLISB tawar pembiayaan pakej ibadah berlandaskan Murabahah Tawarruq*

tan kami kepada jemaah umrah yang dianggarkan bertambah sehingga mencapai 80,000 orang setahun pada musim umrah 1446H nanti, insya-Allah,” katanya pada Majlis Menandatangani Momorandum Persefahaman (MoU) antara Andalusia dan HLISB di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarusi Eksekutif Andalusia, Datuk Md Daud Che Ngah serta Pengarusi Lembaga HLISB, Datuk Seri Dr Hamzah Md Kassim.

Melalui kerjasama ini, HLISB melengkapkan pakej umrah dan haji Andalusia dengan menawarkan rangkaian produk perbankan Islam komprehensif dan patuh syariah khususnya Pembiayaan Peribadi dan Akaun Pay & Save-i.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif HLISB, Dafinah Ahmed Hilmi menekankan komitmen mereka membentuk penyelesaian kewangan yang menuhi keperluan gaya hidup khusus pelanggan Is-

lamnya.

“Sebagai institusi kewangan Islam yang mengutamakan hasrat dan keperluan pelanggan, kami menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan patuh Syariah yang memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan kami.

“Kami sentiasa berusaha kembangkan perkhidmatan dan produk kami dan kali ini kami ingin membantu mereka yang sudah lama ingin menunaikan umrah dan haji,” katanya.

## Koob Sahabat bantu anggota tunai umrah dengan pakej terpilih

**Kuala Lumpur:** Koperasi Sahabat Amanah Ikh-tiar Malaysia (Koop Sahabat) Berhad menjalin kerjasama bersama tiga agensi pengendali umrah dan ziarah terpilih bagi penyediaan tawaran pakej istimewa kepada anggotanya yang ingin mengerjakan umrah.

Pengerusi Lembaga Koop Sahabat, Mohd Najib Mohd Noor berkata, kemunculan iklan dan tawaran pakej umrah yang bagaikan cendawan tumbuh ini membuka ruang kepada kegiatan penipuan dan sindiket agensi umrah kepada masyarakat.

“Justeru, Koop Sahabat mengambil inisiatif membantu anggota kooperasi yang berhasrat mengerjakan umrah dan mengelak mereka daripada menjadi mangsa penipuan.

“Pemilihan jadual penerbangan mengikut kesesuaian pelanggan dilakukan sepanjang tahun dengan penerbangan terawal pada Februari ini,” katanya.

“**Pemilihan jadual penerbangan mengikut kesesuaian pelanggan**  
**Mohd Najib**

dengan teliti yang terdiri daripada agensi berpe-  
ngalaman dan mempu-  
nyai reputasi baik de-  
ngan harapan agensi  
berkenaan membantu  
memudahkan urusan  
bakal jemaah.

Katanya, anggota Koop  
Sahabat diberi kemuda-  
han memilih pakej harga  
bersesuaian mengikut  
kemampuan dan kesele-  
saan anggota bersama  
keluarga sepan-  
jang berada di  
Tanah Suci.

“Koop Sa-  
habat me-  
mastikan  
agensi di-  
lantik me-  
matuhi seti-  
ap syarat dan  
perjanjian dite-  
takpan serta mem-  
berikan penawaran pakej

terbaik dengan harga  
berpatutan, fasiliti sele-  
sa dan pengurusan ce-  
kap.

“Pemilihan jadual pe-  
nerbangan mengikut ke-  
sesuaian pelanggan di-  
buka sepanjang tahun  
dengan penerbangan